



07 JAN, 2025

Proses tender untuk projek Sabah Electricity

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Proses tender untuk projek Sabah Electricity

APABILA membincangkan projek bekalan kuasa di Sabah, banyak yang diperkatakan mengenai proses tender. Sering disalah tafsir dan kadangkala dipolitikkan, sistem rumit yang mengatur pemilihan vendor ini wajar diberikan penjelasan secukupnya.

Saya perlu menjelaskan bahawa proses tender di Sabah Electricity bukanlah sesuatu yang dibuat sewenang-wenangnya atau dianggap mudah.

Ini tidak melibatkan pemilihan vendor secara rawak atau keputusan berdasarkan kehendak peribadi. Sebaliknya, ia adalah proses yang sistematis dan berstruktur, direka untuk memastikan keadilan, ketelusan dan hasil terbaik untuk projek utiliti awam.

Namun, kritikan sering timbul, biasanya daripada mereka yang salah faham atau sengaja menyalah tafsiran proses tersebut. Salah faham ini, sama ada disebabkan oleh maklumat yang salah atau sengaja diputarbelitkan, mencabar integriti sistem yang dibina untuk mendukung kepercayaan awam.

Sebagai konteks, Sabah Electricity menggunakan Sistem Pengurusan Tender SESB (STMS), sebuah rangka kerja yang direka untuk mengendalikan perolehan secara teliti, adil dan kukuh.

Dalam sistem ini, proses tender melibatkan lapan peringkat penting, yang masing-masing direka khusus untuk memastikan kesaksamaan dan kecekapan. Peringkat-peringkat ini termasuk menentukan keperluan perolehan, memulakan proses perolehan, memilih cadangan, mendapatkan kelulusan, mengendalikan proses kelulusan perolehan, menyediakan dokumentasi penganugerahan, menguruskan kontrak dan menyelesaikan pembayaran.

Perjalanan bermula dengan menentukan keperluan perolehan, langkah asas yang menjadi pemula kepada keseluruhan proses. Peringkat ini bertindak sebagai titik pemula, di mana anggaran kos awal disediakan dengan teliti.

Anggaran ini tidak dibuat secara sembarangan, tetapi diperoleh melalui perbincangan dalaman dan mesyuarat yang terperinci. Ini memastikan keperluan projek ditakrifkan dengan jelas, bajet adalah realistik, dan perolehan selaras dengan objektif strategik organisasi.

Sebaik sahaja keperluan dikenalpasti, proses perolehan dimulakan. Jemputan tender dikeluarkan dan penyerahan diterima serta diuruskan dengan selamat. Bilik khas pembukaan tender digunakan untuk memastikan integriti penyerahan, diikuti dengan penilaian yang dijalankan secara rahsia. Ini memastikan tiada pengaruh luar boleh campur tangan, dan semua bidaan dinilai dengan adil berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Salah satu peringkat penting ialah penilaian dan pemilihan cadangan. Di

sini, sebuah Jawatankuasa Penilaian Tender dibentuk, terdiri daripada kakitangan yang terikat dengan Ikran Integriti, iaitu pernyataan rasmi untuk memastikan kelakuan beretika dan pematuhan kepada piawaian anti-rasuah.

Pada peringkat ini, tender diteliti bukan sahaja berdasarkan kos tetapi juga kebolehlaksanaan keseluruhan, pematuhan teknikal, dan keupayaan vendor untuk melaksanakan projek. Bertentangan dengan salah faham umum, bidaan terendah tidak secara automatik menjadi pemenang. Pendekatan holistik memastikan vendor yang dipilih mampu memenuhi keperluan projek tanpa mengorbankan kualiti atau kebolehpencapaian.

Kelulusan tender yang dipilih melibatkan satu lagi lapisan penelitian. Memorandum dan penilaian terperinci dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus (RAA). Ini bukanlah proses "cop setujui" semata-mata, tetapi melibatkan perbincangan yang teliti, perbandingan, dan cadangan.

Hanya selepas kelulusan ini, proses boleh diteruskan. Kelulusan tidak bergantung kepada individu atau jabatan tunggal. Pelbagai jawatankuasa bernesuatur mengenai cadangan tersebut, mempertimbangkan semua aspek dengan teliti sebelum mengangkerahkan tender. Ia adalah pendekatan mendalam dan berlapis yang direka untuk mencegah sebarang konflik kepentingan atau kelemahan dalam pertimbangan.

Fasa dokumentasi penganugerahan memformalkan pemilihan dengan menyediakan perjanjian undang-undang seperti Surat Perjanjian (LOA) dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan. Selepas itu, pengurusan kontrak bermula.

Peringkat ini melibatkan pemantauan kemajuan projek, menyelesaikan isu-isu yang timbul, dan memastikan pematuhan kepada terma-terma yang telah dipersetujui.

Hanya setelah kerja diselesaikan dengan memuaskan, peringkat akhir, iaitu pembayaran, dilaksanakan. Walaupun pada peringkat ini, usaha wajar dilakukan untuk mengesahkan ketepatan invoice yang telah dipersetujui.

Pembayaran hanya diproses setelah disahkan bahawa kerja memenuhi standard yang telah dipersetujui. Pendekatan berdisiplin ini mencerminkan komitmen terhadap kebertanggungjawaban di semua peringkat.

Di sebelah usaha kami ini, proses ini sering disalah faham atau disalah tafsiran. Saya menyeru semua pihak untuk berhenti mempolitikkan inisiatif bekalan kuasa!

Ironinya, ini adalah mesej sama yang saya tekankan semasa program Vendor Day tahun lalu, di mana projek Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS), bukannya diterima sebagai langkah ke



hadapan, sebaliknya menerima kritikan daripada kumpulan yang mendakwa prihatin tetapi tidak menawarkan sebarang penyelesaian yang nyata.

Dalam kes BESS, ia mengambil masa lebih lapan bulan untuk diputuskan sejak pembukaan penyerahan tender. Malah, proses tender ini agak panjang. Untuk memulakan pembukaan tender sahaja mengambil masa yang lama, bermula pada November tahun lalu dan hanya dimuktamadkan pada Ogos 2025.

Kelawatan ini sebahagiannya disebabkan oleh keperluan untuk melantik perunding bagi menilai ekonomi Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) dengan teliti, yang pertama di Malaysia.

Memandangkan skala projek ini dan pengenalan teknologi baharu, pemilihan vendor yang tepat dan pembentukan konsortium dengan rakan antarabangsa adalah penting.

Ya, walaupun terdapat bidaan harga yang lebih rendah, vendor yang menawarkan harga sedikit lebih tinggi tetapi mempunyai keupayaan untuk menyampaikan dalam tempoh masa yang mendesak telah dipilih untuk memenuhi permintaan kritikal terhadap penjaan kuasa di Sabah, terutamanya untuk mencapai margin rizab yang stabil.

Keputusan ini turut mengambil kira proses penting seperti Ujian Integrasi Sistem (SIT), langkah jaminan kualiti yang memerlukan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum projek dapat disiapkan.

Kerahsiaan adalah asas kepada proses tender kami. Namun, pelanggaran terhadap kerahsiaan ini sering membawa kepada salah maklumat, yang merosakkan kepercayaan awam serta integriti sistem kami.

Saya sering tertanya-tanya bagaimana maklumat tender rahsia boleh sampai kepada pengetahuan umum. Dari mana sumbernya? Bagi saya, melindungi kerahsiaan bidaan dan hasil penilaian bukan sahaja satu prinsip tetapi juga kewajipan undang-undang.

Untuk makluman orang ramai, bagi mana-mana projek bernilai lebih RM100

WHICH VENDOR IS THE BEST OPTION?

A B C

We must select a vendor capable of delivering on time to meet the growing power demand.



juta, kelulusan akhir dibuat Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB). Sabah Electricity tidak mempunyai kuasa untuk memuktamadkan keputusan ini.

Dalam kes BESS, ia mengambil masa lebih lapan bulan untuk diputuskan sejak pembukaan penyerahan tender. Malah, proses tender ini agak panjang. Untuk memulakan pembukaan tender sahaja mengambil masa yang lama, bermula pada November tahun lalu dan hanya dimuktamadkan pada Ogos 2025.

Kelawatan ini sebahagiannya disebabkan oleh keperluan untuk melantik perunding bagi menilai ekonomi Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) dengan teliti, yang pertama di Malaysia.

Memandangkan skala projek ini dan pengenalan teknologi baharu, pemilihan vendor yang tepat dan pembentukan konsortium dengan rakan antarabangsa adalah penting.

Ya, walaupun terdapat bidaan harga yang lebih rendah, vendor yang menawarkan harga sedikit lebih tinggi tetapi mempunyai keupayaan untuk menyampaikan dalam tempoh masa yang mendesak telah dipilih untuk memenuhi permintaan kritikal terhadap penjaan kuasa di Sabah, terutamanya untuk mencapai margin rizab yang stabil.

Keputusan ini turut mengambil kira proses penting seperti Ujian Integrasi Sistem (SIT), langkah jaminan kualiti yang memerlukan sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum projek dapat disiapkan.

Kerahsiaan adalah asas kepada proses tender kami. Namun, pelanggaran terhadap kerahsiaan ini sering membawa kepada salah maklumat, yang merosakkan kepercayaan awam serta integriti sistem kami.

Saya sering tertanya-tanya bagaimana maklumat tender rahsia boleh sampai kepada pengetahuan umum. Dari mana sumbernya? Bagi saya, melindungi kerahsiaan bidaan dan hasil penilaian bukan sahaja satu prinsip tetapi juga kewajipan undang-undang.

Apabila kerahsiaan ini dilanggar, ia mencemarkan integriti keseluruhan proses dan merosakkan kredibiliti sistem yang ada. Lembaga Pengarah Sabah Electricity sedang mencari kaedah dan langkah untuk memastikan kebocoran maklumat dapat dielakkan sama sekali.

Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa kami komited sepenuhnya terhadap amanah beretika, dan ini dibuktikan melalui keputusan kami melaksanakan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) yang diperakui di bawah MS ISO 37001:2016.

Penjailan ini menunjukkan usaha berterusan Sabah Electricity untuk memerangi rasuah dan mengekalkan ketelusan dalam semua operasi kami.

Kami juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sekali gus memperkukuh komitmen kami terhadap integriti dan akauntabiliti dalam setiap perkara yang kami lakukan.

Sejak Ogos 2023, Sabah Electricity sudah beroperasi di bawah kerangka ini, menjadikan kami antara tiga syarikat berkaitan kerajaan (GLC) teratas di Sabah yang memperoleh penjailan ini.

Amat mengecewakan apabila, walaupun dengan kemaskini konsisten yang saya kongsi, masih ada yang gagal mengiktiraf kepentingan pencapaian ini.

Oleh itu, saya memohon agar daripada mempolitikkan atau mempersoalkan integriti inisiatif ini, kita meluahkan masa untuk memahami usaha keras di sebaliknya. Ini adalah masa yang mencabar untuk kami menjelaskan kepada mereka yang meragui, dan kami akan terus memberikan penjelasan.

Jika kita serius untuk memperbaiki infrastruktur tenaga Sabah dan memastikan bekalan kuasa yang boleh dipercayai, proses ini sepatutnya dihormati.